Headline	Stesen jana kuasa TNB bawa kemakmuran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Feb 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	351 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,812		

Stesen janakuasa TNB bawa kemakmuran

Oleh ROKIAH ABDULLAH
rokiah.abdullah@utusan.com.my

LUMUT 4 Feb. - Pembinaan stesen janakuasa elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjadi pemangkin mengubah wajah kawasan Teluk Rubiah di Seri Manjung dekat sini, yang lebih 20 tahun lalu terpencil dengan rata-rata penduduknya adalah nelayan.

Sejak pembinaannya lagi, Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) telah membawa kesan limpahan ekonomi kepada penduduk daerah Manjung dari segi peluang pekerjaan dan menjadikan kawasan berkenaan tumpuan aktiviti perniagaan serta pelancongan.

Bagi **Ahmad Radzuan Mohd. Hayat**, 43, pembinaan loji TNB Janamanjung, kira-kira dua kilometer dari kampung halamannya, Kampung Permatang telah benar-benar mengubah hidupnya yang dulu ibarat 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'.

Dia kini menyediakan perkhidmatan bot membawa pelancong memancing di perairan sekitar sejak setahun lalu sekali gus menjadikan kehidupannya jauh lebih senang.

Katanya, dia mampu meraih pendapatan kasar antara RM5,000 hingga RM10,000 sebulan dengan melakukan dua pekerjaan iaitu nelayan dan menyediakan bot sewaan.

"Sebagai nelayan dulu, nak dapat RM1,000 sebulan pun sakit, sedangkan banyak kudrat terpaksa dikeluarkan.

"Tapi sejak kawasan ini menjadi tumpuan, ramai yang mahukan perkhidmatan bot memancing. Kebiasaannya saya bawa mereka memancing ke Pulau Sembilan, Pulau Jarak dan Pulau Tukun Perak sejauh 30 kilometer dari sini.

"Walaupun penat melakukan dua kerja, namun hasil yang diperoleh amat lumayan," katanya.

Rakannya, **Ibrahim Mat Salim**, 57, pula berkata, nelayan di kawasan itu mampu meraih pendapatan sampingan termasuk dari perniagaan dan sewaan rumah.

"Sejak kawasan ini dibangunkan, aktiviti perniagaan makanan tumbuh macam cendawan selepas hujan.

"Rumah sewa di sini pun semakin mahal sehingga mencecah RM600 sebuah. Pada saya, penduduk patut merebut peluang yang ada di depan mata ini untuk mengubah nasib masing-masing.

"Yang penting mereka perlu pandai mempelbagaikan aktiviti masing-masing dan tidak hanya bergantung kepada pekerjaan sebagai nelayan," katanya.

Sementara itu, seorang guru di Sekolah Kebangsaan Simpang Empat, Sitiawan, **Md. Dah Hasan**, 56, pula berkata, Seri Manjung khususnya Teluk Rubiah telah mengalami banyak perubahan sejak 20 tahun lalu.

"Bagi saya, kedatangan TNB Janamanjung telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda.

"Ramai anak murid saya sendiri bekerja di stesen janakuasa ini. Secara tidak langsung mampu menyekat penghijrahan golongan muda ke ibu negara untuk mencari pekerjaan," katanya yang telah 37 tahun tinggal di kawasan berkenaan.

Powered by: isentia

Headline	Stesen jana kuasa TNB bawa kemakmuran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Feb 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	351 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,812		

AHMAD RADZUAN MOHD. HAYAT

IBRAHIM MAT SALIM

MD. DAH HASAN



Powered by: isentia